

28/10/1998

Pikom mahu cadang peruntukan lebih tinggi

M Azlan Jaafar

PERSATUAN Industri Komputer Malaysia (Pikom) akan mengutarakan cadangan agar peruntukan lebih tinggi disediakan bagi menangani masalah tahun 2000 atau Y2K.

Minggu lalu ketika membentangkan Belanjawan 1999, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi menangani masalah Y2K atau Millennium Bug untuk sistem pengkomputeran jabatan-jabatan Kerajaan.

Ia adalah tambahan kepada peruntukan RM30 juta yang disediakan pertengahan tahun ini dalam membantu agensi kerajaan membetulkan sistem mereka.

Cadangan peruntukan lebih tinggi itu disyorkan berdasarkan kos, saiz dan kesan masalah bom digital yang dijangka memerlukan perbelanjaan lebih tinggi.

Ia juga penting kerana kesan negatif masalah itu kepada kehidupan harian jika tiada langkah pembedahan bersepadu dilaksanakan.

Pengarah Eksekutif Pikom Alan Fung berkata belanjawan untuk mengatasi Y2K agak kecil dan sepatutnya lebih tinggi berdasarkan jangkaan kos keseluruhan.

"Jangkaan Pikom bagi kos pembedahan masalah tahun 2000 bagi seluruh negara (sektor kerajaan dan swasta) adalah sekurang-kurangnya RM2 bilion."

Syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) saja, kata Fung dianggarkan akan membelanjakan sejumlah RM800 juta.

Sektor kerajaan dijangka perlu berbelanja lebih kerana saiz penggunaan perkompoteran yang lebih besar.

Katanya: "Pikom akan mencadangkan kepada peruntukan lebih tinggi kepada Jawatankuasa Pemandu Y2K Kebangsaan yang turut dianggotai olehnya."

Jawatankuasa Pemandu Y2K Kebangsaan, yang dianggotai wakil pelbagai agensi kerajaan dan swasta bertanggungjawab dalam memantau perkembangan serta memberi cadangan dalam inisiatif pembedahan Y2K negara.

Masalah perkompoteran terbesar abad ini, Y2K berpunca daripada kegagalan sistem perkompoteran yang bergantung kepada pengiraan tarikh untuk mengenali kedatangan hari pertama alaf baru.

Ini kerana kebanyakan sistem dan program komputer menggunakan norma dua angka bagi mentafsir tahun. Contohnya 28 Oktober 1998 dalam sistem komputer ditulis sebagai 98/10/28.

Berdasarkan norma dua angka itu, kedatangan hari pertama tahun 2000 akan ditafsir sebagai 00/01/01 yang menyamai 1 Januari 1900.

Bom jangka digital komputer akan menyebabkan sistem komputer tidak beroperasi atau melakukan kesilapan terutama dalam aplikasi yang bergantung kepada pengiraan tarikh.

Selain aplikasi dan perisian komputer, industri, terdapat penggunaan cip tertanam terutama dalam peralatan elektronik dan elektrik yang beroperasi dengan menggunakan norma yang sama. Seperti perisian yang perlu dibetulkan, cip tertanam itu juga perlu dikenal pasti dan diganti baru.

Bagaimanapun, beliau mengalu-alukan peruntukan RM110 juta bagi pembangunan aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurut Fung, peruntukan itu berupaya menjana pertumbuhan dalam industri IT terutama dalam situasi sekarang.

Sambil menyifatkan keseluruhan belanjawan sebagai pragmatik, Fung berkata jika ekonomi dapat dipulihkan, industri IT akan mendapat manfaat kerana syarikat meningkatkan pelaburan dalam IT.

Dan jika pemulihan ekonomi berlaku, Pikom menjangkakan industri IT negara akan tumbuh antara lima hingga 10 peratus tahun hadapan.

Dr Mahathir dalam Belanjawan 1999 mengumumkan peruntukan khusus bagi RM110 juta untuk menjana pembangunan aplikasi perdana sektor awam bagi teleperubatan, kerajaan elektronik, sekolah bestari dan kad pelbagai guna.

Langkah ini akan menjadi asas dan permulaan kepada perkembangan MSC.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sememangnya sedar betapa pentingnya pembangunan Teknologi Maklumat (IT) dan MSC untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Sehingga suku ketiga 1998, sebanyak 19 syarikat sudah berpindah ke Cyberjaya dan sebanyak 31 lagi dijangka berpindah ke kawasan itu pada penghujung tahun ini. Sehingga 15 Oktober 1998, sebanyak 179 syarikat telah diberi kelulusan taraf MSC.

(END)